Pua Lai Ong lwn Perbadanan Nasional Insurans Sdn Bhd (Dahulunya dikenali sebagai Union Insurance Malaysia Sdn Bhd)

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — GUAMAN SIVIL NO 22-511-94
FAIZA TAMBY CHIK H
5 JUN 1995

Acara Sivil *— Saman dalam kamar — Salinan tidak dimeteraikan — Sama ada saman terlaksana apabila difailkan atau dimeteraikan — Sama ada had masa untuk memfail dan menyampaikan afidavit jawapan bermula apabila salinan tidak dimeterai disampaikan — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 32 k 13(2)(b)*

Defendan telah memfailkan suatu saman dalam kamar, bersama-sama dengan afidavit sokongan yang diikrarkan pada 28 Februari 1995, bagi membatalkan tuntutan plaintif. Satu salinan saman dalam kamar itu yang tidak dimeteraikan bersama-sama dengan afidavit sokongan telah disampaikan kepada peguamcara plaintif pada 3 Mac 1995. Kemudiannya, satu salinan saman dalam kamar yang telah dimeteraikan bersama-sama dengan afidavit sokongan telah disampaikan kepada peguamcara plaintif pada 12 April 1995 dan perkara tersebut ditetapkan untuk pembicaraan pada 17 April 1995. Plaintif telah memfailkan suatu afidavit jawapan yang diikrarkan pada 13 April 1995 dan menyampaikannya kepada peguamcara defendan pada 14 April 1995. Pada pembicaraan tersebut, defendan telah membangkitkan suatu bantahan permulaan terhadap afidavit jawapan plaintif bertarikh 13 April 1995 kerana ia dikatakan tidak disampaikan dalam tempoh 14 hari yang ditetapkan oleh A 32 k 13(2)(b) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT').

Diputuskan, menolak bantahan permulaan itu:

Aturan 32 k 2(1) KMT menyatakan bahawa sesuatu permohonan dalam kamar terlaksana apabila ianya dimeteraikan oleh seorang pegawai pejabat pendaftaran. Oleh kerana salinan yang termeterai hanya disampaikan kepada plaintif pada 12 April 1995, maka adalah jelas daripada A 32 k 13(2)(b) KMT bahawa plaintif mempunyai tempoh masa 14 hari, iaitu hingga 26 April 1995, untuk memfailkan afidavit jawapan. Dalam kes ini, plaintif telah memfailkan afidavit jawapannya pada 13 April 1995, iaitu dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh A 32 k 13(2)(b) KMT.

[English summary

The defendant filed a summons-in-chambers together with a supportive affidavit that was affirmed on 28 February 1995, to strike out the plaintiff's claim. An unsealed copy of the summons-in-chambers together with the supporting affidavit was served on the plaintiff's solicitors on 3 March 1995. Subsequently, a sealed copy of

the summons in chambers together with the supporting affidavit was served on the plaintiff on 12 April 1995 and the matter was fixed for hearing on 17 April 1995. The plaintiff filed an affidavit-in-reply which was affirmed on 13 April 1995 and served it on the defendant's solicitors on 14 April 1995. At the hearing, the defendant raised a preliminary objection towards the plaintiff's affidavit-in-reply dated 13 April 1995 alleging that it was served within the 14-day period laid down by O 32 r 13(2)(b) of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC').

Held, dismissing the objection:

Order 32 r 2(1) RHC states that an application in chambers is perfected only when it is sealed by an officer of the court registry. As the sealed copy was only served on the plaintiff on 12 April 1995, it was clear from O 32 r 13(2)(b) of the RHC that the plaintiff had 14 days, ie until 26 April 1995, to file in an affidavit-in-reply. In this case, the plaintiff had filed an affidavit-in-reply on 13 April 1995, which was within the time limit set in O 32 r 13(2)(b) of the RHC.]

[*Nota Penyunting*: Defendan telah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan melalui Rayuan Sivil No B–02–370–95.]

Nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan melalui saman dalam kamar, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 3528-3534.

Undang-undang rujukan

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 32 kk 2(1), 13(2)(b)

K Santhrasergaran (*Rastam Singa & Co*) bagi pihak plaintif.
Tunku Farik Ismail (*Azim, Ong & Krishnan*) bagi pihak defendan.

Faiza Tamby Chik H: Dalam kes ini si defendan telah memfailkan suatu saman dalam kamar, bersama-sama dengan suatu afidavit sokongan yang diikrarkan pada 28 Februari 1995, bagi membatalkan tuntutan plaintif. Satu salinan saman dalam kamar yang tidak dimeteraikan bersama-sama dengan afidavit sokongan tersebut telah disampaikan kepada peguamcara plaintif pada 3 Mac 1995. Satu salinan saman dalam kamar yang telah dimeteraikan bersama-sama dengan afidavit sokongan telah disampaikan kepada peguamcara plaintif hanya pada 12 April 1995 dan seterusnya perkara tersebut telah ditetapkan untuk pembicaraan pada 17 April 1995. Si plaintif kemudian memfailkan suatu afidavit jawapan yang diikrarkan pada 13 April 1995 dan disampaikan kepada peguamcara defendan pada 14 April 1995. Walau bagaimanapun, pada hari pembicaraan tersebut si defendan telah membangkitkan suatu bantahan awal terhadap afidavit jawapan plaintif bertarikh 13 April 1995 itu kerana dikatakan berlanggaran

dengan A 32 k 13(2)(b) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') yang berbunyi:

> Kecuali diperuntukkan selainnya dalam Kaedah-Kaedah ini, pihak yang ingin menjawab afidavit yang disampaikan kepadanya mestilah memfailkan afidavitnya dan menyampaikannya kepada pihak yang satu lagi dalam masa 14 hari dari tarikh afidavit yang ingin dijawab olehnya telah disampaikan kepadanya.

Dapat diperhatikan di sini bahawa persoalannya adalah bilakah sesuatu permohonan dalam kamar itu terlaksana? Adakah semasa ianya telah dimeteraikan atau semasa ianya belum dimeteraikan. Aturan 32 k 2(1) KMT menyatakan bahawa pengeluaran sesuatu saman yang baginya permohonan dalam kamar hendak dibuat adalah terlaksana apabila ia dimeteraikan oleh seorang pegawai pejabat pendaftaran.

Saya berpendapat peruntukan di atas adalah jelas dan nyata, iaitu sesuatu permohonan dalam kamar itu hanya akan terlaksana apabila ianya dimeteraikan oleh seorang pegawai pejabat pendaftaran. Oleh kerana salinan yang termeterai bersama afidavit sokongan disampaikan kepada si plaintif hanya pada 12 April 1995, maka adalah jelas daripada A 32 k 13(2)(b) KMT bahawa si plaintif mempunyai tempoh masa hingga 26 April 1995 untuk memfailkan afidavit jawapan. Dalam kes ini, si plaintif telah memfailkan afidavit jawapannya pada 13 April 1995, iaitu dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh A 32 k 13(2)(b) KMT.

Atas alasan ini, saya menolak bantahan awal si defendan dengan kos.

Diperintahkan sewajarnya.

Dilaporkan oleh Azra Azman